

TARIKH	19 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	16	RUANGAN	NASIONAL

Kem Bijak TaHa disambut baik

Jasin: Ibu bapa dan pelajar menyambut baik penganjuran Kem Bijak TaHa yang berakhir di sini, semalam, serta berharap ia dapat diteruskan kerana memberi banyak manfaat.

Program anjuran Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan Unit Pendidikan BH di Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Melaka di Seri Mendapat itu juga disifatkan tepat pada masanya kerana diadakan ketika cuti sekolah.

Abu Bakar Othman, 43, dari Segamat, Johor berkata, program itu sangat baik bagi memberikan pendedahan awal kepada generasi muda dalam mempersiapkan diri berdikari dan berdepan dengan pelbagai cabaran masa depan.

Tingkat sahsiah diri

"Ini pertama kali saya menghantar anak ke program seperti ini. Diharap sepanjang dua hari berada di kem ini, anak saya dan peserta lain dapat meningkatkan sahsiah diri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penutupan program yang disempurnakan Timbalan Pengarah Tabung Haji Melaka, Abu Shukor

Jangga.

Lebih 150 peserta menghadiri program dua hari ini termasuk dari Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan sekitar Melaka.

Program ini diadakan khas untuk ahli Kelab TaHa dan pen deposit TH sebagai mengisi masa lapang peserta dengan aktiviti berfaedah, selain meluaskan program tanggungjawab korporat agensi berkenaan.

Hadir sama Ketua Biro BH Melaka, Amirullah Andi Nur; Pengurus Kanan Bahagian Simpanan dan Pengeluaran Tabung Haji, Zaiton Mohd Yusoff; Pengurus Pengedaran NSTP Melaka, K Gunasegaran dan Pengurus Pemasaran Tabung Haji Melaka, Isnin Aman.

Roslina Yunos, 34, dari Kajang, Selangor berkata beliau tertarik untuk menghantar anak sulungnya menyertai kem sempena cuti sekolah itu selepas melihat iklan di dalam akhbar BH sejak dua minggu lalu.

"Kem ini sangat berguna khususnya bagi mengisi masa lapang ketika musim cuti sekolah dan perlu dilaksanakan pada masa akan datang secara berterusan," katanya.



Peserta Kem Bijak TaHa bersorak gembira selepas tamat program di Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Melaka, Seri Mendapat, Merlimau, semalam.

[FOTO MUHAMMAD HATIM AB MANAN/BH]